

SEKTOR PADI DAN BERAS MALAYSIA BERBANDING INDONESIA: MENGAJI TREND DAN DASAR PERTANIAN DI KEDUA-DUA NEGARA

Chew Wei Kar
Norshamliza Chamhuri

ABSTRAK

Padi merupakan makanan ruji bagi kebanyakan penduduk di negara Asia. Kebergantungan rakyat terhadap beras sebagai makanan harian masih berterusan sehingga kini. Melihat kepentingan sektor padi dan beras di Malaysia dan Indonesia, maka satu kajian dirangka bertujuan untuk mengkaji trend pengeluaran dan penggunaan beras, serta dasar-dasar pertanian sedia ada dalam industri ini. Data sekunder dikumpul dari tempoh 1961 sehingga 2013, dimana pengeluaran padi dan beras bagi kedua-dua negara dilihat semakin berkembang. Bagi Malaysia, ada kalanya penggunaan beras dilihat melebihi pengeluaran padi yang menyebabkan negara terpaksa mengimport beras dari negara luar. Ini ternyata berbeza dengan Indonesia kerana pengeluaran padi dan beras mereka sentiasa meningkat dan dapat memenuhi penggunaan beras semasa. Dapatan kajian juga menunjukkan pelbagai persamaan dari segi dasar pertanian yang diamalkan oleh kedua-dua negara yang meliputi: (i) isu sekuriti makanan, (ii) mengurangkan import beras, (iii) menyediakan peralatan dan teknologi pertanian, dan (iv) meningkatkan pendapatan dan menjaga kebajikan petani. Beberapa dasar pertanian dari Indonesia boleh diadaptasi oleh Malaysia dalam usaha meningkatkan pengeluaran padi dan beras negara. Secara amnya, dasar pertanian yang berinovasi serta bersesuaian dengan perubahan ekonomi semasa adalah dasar yang bermanfaat dan amat diperlukan.

KATA KUNCI: padi, beras, dasar pertanian, Malaysia, Indonesia

PENGENALAN

Di Asia, padi merupakan salah satu komoditi yang diberikan keutamaan dalam agenda keselamatan makanan negara. Peningkatan penduduk di Asia telah membawa peningkatan kira-kira 70 peratus kepada beras yang diperlukan untuk memenuhi permintaan di masa depan (Papademetriou, 2000). Corak penggunaan makanan oleh golongan dewasa telah menunjukkan bahawa rakyat Malaysia menggunakan purata dua setengah mangkuk beras setiap hari (Norimah Jr, 2008). Berdasarkan kajian John (2018), menunjukkan bahawa rakyat Malaysia yang tinggal di kawasan bandar mempunyai permintaan yang lebih tinggi terhadap beras berbanding dengan kawasan luar bandar disebabkan oleh kuasa pembelian yang lebih tinggi.

Berdasarkan Harun (2013), Malaysia telah mengeluarkan 2,626,880 tan padi dengan menggunakan 668207 ha tanah dan berjaya menjana hasilan 3.82 tan/ ha. Walaupun teknologi pengeluaran padi telah ditingkatkan, tetapi peningkatan produktiviti padi masih sedikit dan tidak mampu memenuhi permintaan rakyat Malaysia. Menurut Jaluludin (2016), beliau berkata bahawa hasil pengeluaran padi dalam negara masih berada di paras rendah sehingga menyebabkan kerbergantungan terhadap beras diimport dari luar negara. Purata pengeluaran pengeluaran padi ialah antara empat hingga lima tan sehektar, hasilan ini tidak cukup menampung permintaan penduduk Malaysia. Kerajaan mengimport 900,000 metrik tan beras dan jumlah angka ini masih belum termasuk satu juta beras yang diselup ke negara ini (Malaysia Kini, 2015). Selain itu, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mensasarkan 100% *self-sufficiency level* (SSL) dalam pengeluaran padi pada tahun 2020 (Yakoob, 2015). Untuk mencapai sasaran ini, pesawah perlu meningkat pengeluaran hingga ke tujuh tan per hektar.

Dengan ini, polisi yang efektif amat diperlukan supaya dapat memastikan bekalan beras adalah mencukupi bagi menampung penggunaan beras di Malaysia di samping dapat mengeksport ke luar negara. Polisi merupakan suatu tindakan atau keputusan yang ditetapkan mengenai sebuah kesepakatan antara individu, organisasi dan negara (Catatanijar, 2012). Objektifnya adalah untuk memberi kebenaran dan mengesahkan akses dan peruntukan lain supaya pembuat sistemnya dapat memberikan akses yang sesuai kepada pengguna.

Statistik membuktikan bahawa industri padi di Malaysia dan Indonesia telah menjana pendapatan yang stabil untuk negara masing-masing. Demi memastikan pengeluaran makanan ini terjamin, pelbagai usaha telah dilakukan oleh kerajaan Malaysia dan Indonesia untuk meningkatkan pengeluaran komoditi ini. Kajian ini akan membincangkan dasar pertanian yang dilaksanakan oleh kedua-dua negara, iaitu negara Malaysia dan Indonesia. Kajian ini adalah penting kerana kajian terhadap dasar pertanian yang dilaksanakan boleh mengenal pasti dasar mana yang lebih baik untuk diadaptasikan.

Dengan ini, kajian ini mempunyai beberapa objektif, iaitu mengkaji trend pengeluaran dan penggunaan beras di negara Malaysia dan Indonesia serta mengkaji dasar pertanian terhadap padi dan beras yang dilaksanakan oleh kedua-dua negara. Kajian ini membincangkan secara teliti dengan sokongan data statistik mengenai industri ini, dan bagaimana dasar pertanian yang dilaksanakan mempengaruhi hasilnya.

SOROTAN KAJIAN


Dalam bahagian ini, trend pengeluaran padi, pengeluaran beras serta penggunaan beras dan dasar-dasar pertanian yang dilaksanakan dalam negara Malaysia dan Indonesia akan dibincangkan secara teliti.

TREND PENGELUARAN PADI, PENGELUARAN BERAS SERTA PENGGUNAAN BERAS

MALAYSIA

Malaysia merupakan sebuah negara tropika yang mempunyai banyak tanah rata yang sesuai untuk pertanian. Tambahan pula, cuaca di Malaysia sesuai untuk tanaman padi jika dibandingkan dengan negara lain yang mengalami empat musim. Dengan ini, penghasilan beras di negara Malaysia sepatutnya semakin meningkat, tetapi terdapat beberapa faktor menjadikan penghasilannya tidak begitu stabil.

Rajah 1: Perangkaan Utama Padi dan Beras 1961-2013, Malaysia



Sumber: Ricepedia.org, 1961-2013, Malaysia

Jadual di atas menunjukkan pengeluaran padi, pengeluaran beras dan jumlah penggunaan beras pada tahun 1961 hingga tahun 2013 di Malaysia. Di antara tahun 1961-1970, pengeluaran padi seiring dengan penggunaan beras kerana pada masa itu, petani masih menggunakan cara tradisional untuk menanam padi iaitu menggunakan tangan untuk memotong padi (Vokes, 1984). Penanaman padi secara tradisional ini mempengaruhi hasil pengeluaran padi yang sedikit kerana proses ini menggunakan tenaga para petani sepenuhnya.

Dalam tempoh 1971-1980 pula, walaupun pengeluaran padi lebih tinggi, tetapi penghasilan beras adalah sedikit. Penurunan ini adalah disebabkan oleh sejenis penyakit tanaman yang bernama *rice blast* (Ho, n.d.). Penyakit tanaman ini telah merosakkan hasil tanaman petani. Penyakit ini menyebabkan tanah terbiar meningkat manakala tanaman pertanian semakin berkurangan. Dalam hal ini, petani dilarang menanam tanamannya di atas tanah tersebut sebelum penyakit *rice blast* dimatikan. Pada tempoh tersebut, kerajaan telah mengambil langkah untuk meletakkan racun perosak ke atas tanah tersebut bagi menghapuskan *rice blast*.

Dalam tempoh 1981-1990, tanah untuk penanaman padi adalah terhad. Hal ini kerana kerajaan menggunakan kebanyakan tanah untuk meningkatkan sektor-sektor lain seperti sektor perindustrian. Di samping itu juga, perkembangan tanah untuk penanaman padi juga dipengaruhi oleh sistem pengairan (Mailena, 2015). Sistem pengairan yang lemah akan menyebabkan tanah mudah mengalami penakungan air dan menjejaskan pengeluaran padi.


Menjelang tahun 2000, Malaysia mengalami revolusi rumah hijau yang menyebabkan suhu Malaysia meningkat secara mendadak dan seterusnya memberi kesan kepada sawah padi. Dengan pengeluaran yang tidak mencukupi, ia tidak dapat menampung permintaan rakyat dan Malaysia terpaksa meningkatkan kuantiti import beras. Rajah 1 juga menunjukkan pengeluaran padi meningkat sekitar tahun 2010 dan ke atas. Perkara ini sedikit sebanyak dipengaruhi oleh Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3), di mana antara program pertanian yang membantu peningkatan sektor padi dan beras ialah dengan pemberian subsidi baja kepada petani.

INDONESIA

Indonesia merupakan sebuah negara yang sesuai untuk penanaman padi. Namun Indonesia berhadapan dengan bencana alam yang di luar jangkaan. Dalam hal ini, bencana alam sering memberi impak kepada penanaman padi dan seterusnya mempengaruhi pengeluaran beras.

Rajah 2 di atas menunjukkan pengeluaran padi, pengeluaran beras dan jumlah penggunaan beras sepanjang tahun 1961-2013 di Indonesia.

Rajah 2: Perangkaan Utama Padi dan Beras 1961-2013, Indonesia



Sumber: Ricepedia.org, 1961-2013, Indonesia

Penggunaan beras di Indonesia adalah lebih tinggi daripada pengeluaran beras sepanjang tempoh 1961-1970. Dalam hal ini, Indonesia telah menitikberatkan pengeluaran beras walaupun penggunaan tanah adalah terhad pada masa itu. Untuk meningkatkan pengeluaran beras, Indonesia sentiasa memastikan keadaan tanah, pengairan dan cuaca adalah baik untuk penanaman padi (Asian Development Bank, 2006).

Pada tahun 1971 hingga 1980, pengeluaran beras dapat dilihat semakin meningkat. Hal ini adalah kerana kerajaan Indonesia membantu petani dengan membekalkan bahan baja, perosak serangga dan sebagainya (George Fane and Peter Warr, 2007). Dengan bantuan kerajaan, petani dapat menjamin kualiti dan kuantiti penghasilan dan seterusnya meningkat pengeluaran beras.

Pada tahun 80-an, penggunaan beras dan pengeluaran beras hampir sama. Kerajaan Indonesia telah menggalakkan eksport bagi meningkatkan penglibatan rakyat dalam perniagaan antarabangsa. Pada tahun 1985, pengeluaran beras semakin meningkat sehingga mampu menampung permintaan rakyat tanpa perlu mengimport dari negara lain. Pada tahap ini, Indonesia telah berjaya mencapai 100% *Self-Sufficient Level* (Kano, 2008).

Pada tahun 1997 hingga 1998, jumlah penggunaan beras adalah jauh lebih tinggi daripada jumlah penghasilan beras. Dalam tempoh yang sama, krisis kewangan telah melanda Indonesia. Krisis kewangan ini bermula dengan kejatuhan nilai Baht di Thailand dan isu ini telah merebak ke beberapa negara Asia, termasuk Indonesia (Sulaiman, 2018). Dalam hal ini, krisis kewangan telah menyebabkan nilai mata wang Rupiah jatuh. Pada masa yang sama, nilai mata wang Baht juga jatuh. Pendek kata, Indonesia boleh menggunakan harga yang sama sebelum krisis kewangan untuk mengimport beras dari Thailand. Dalam tempoh yang sama juga, Indonesia telah dilanda El-Nino (1997) dan La-Nina (1998) yang turut mempengaruhi pengeluaran padi dan beras mereka (Sudaryanto, 2013).

Menjelang tahun 2000, pengeluaran padi melebihi pengeluaran beras serta penggunaan beras. Hal ini demikian kerana kerajaan Indonesia telah berusaha menjaga kebajikan petani dengan menjalankan dasar harga lantai, memberi subsidi input dan subsidi kredit yang telah berjaya menarik minat para petani dalam sektor padi (Sudaryato, 2013).

DASAR PERTANIAN NEGARA MALAYSIA DAN INDONESIA TERHADAP SEKTOR PADI DAN BERAS

Untuk meningkatkan pengeluaran padi dan beras, kerajaan Malaysia dan Indonesia telah berusaha memperkenalkan beberapa polisi di samping mengurangkan import beras dari luar negara.

MALAYSIA

Untuk memajukan bidang pertanian, Malaysia telah berusaha mengubal pelbagai dasar, seperti yang dilihat dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Dasar-dasar yang dijalankan di Malaysia

Dasar	Tempoh	Fokus
Dasar Pertanian Negara 1 (DPN 1)	1984 – 1991	Membangunkan sektor pertanian berorientasikan eksport.
Dasar Pertanian Negara 2 (DPN 2)	1992 – 1997	Meningkatkan produktiviti, kecekapan dan persaingan serta pembangunan industri asas tani.
Dasar Pertanian Negara 3 (DPN 3)	1998 – 2010	Memaksimumkan pendapatan sektor pertanian; memaju dan meningkatkan hasil serta mutu komoditi-komoditi yang mempunyai potensi besar untuk eksport atau bahan gantian import.
Dasar Agro-Makanan Negara (DAN)	2011 – 2020	Menjamin bekalan makanan yang mencukupi dan selamat dimakan; dan menjadikan agro makanan sebagai industri yang berdaya saing dan mampan

Sumber: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia (1984-2020)

Tujuan penubuhan Dasar Pertanian Negara pertama (DPN1) adalah untuk membangunkan sektor pertanian yang berorientasikan eksport. Dalam hal ini, penggunaan teknologi untuk mendapatkan hasil padi yang tinggi telah dijalankan oleh Jabatan Pertanian (Halib, 2004). Selain itu, kerajaan juga melabur dalam pembangunan infrastruktur, pembangunan in-situ dan pembukaan tanah-tanah baru bagi memajukan lagi bidang tanaman. Contohnya, seluas 11,250 hektar daripada jumlah 19,650 hektar tanah padi di luar kawasan jelapang padi telah dapat dimajukan (KPM, 1983). Dasar ini telah dirumuskan sebagai tindak balas terhadap ketidakupayaan dasar terdahulu untuk membasmi kemiskinan dan meningkatkan sektor pertanian untuk membantu pertumbuhan ekonomi negara. Secara tidak langsung, dasar ini telah membantu petani luar bandar membuka pasaran ke luar negara. Seperkara lagi, kerajaan telah memesatkan pembangunan industri berasaskan pertanian dalam tempoh ini.

Namun, menjelang tahun 1990, ekonomi Malaysia bertumpu kepada sektor perindustrian dan menyebabkan kekurangan buruh dalam bidang pertanian. Oleh itu, Dasar Pertanian Negara Kedua (DPN2) diperkenalkan bertujuan menangani cabaran yang dihadapi oleh sektor pertanian, terutamanya dalam memenuhi permintaan produk makanan agro di pasaran domestik dan global. Pada tahun 1995, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM61.5 juta untuk melancarkan skim subsidi baja beras. Pada tahun 2000, subsidi ini telah meningkat kepada RM116.4 juta (Amin Mahir Abdullah, Fatimah Mohamed Arshad dan Alias Radam, 2009). Hal ini demikian kerana kerajaan ingin mengurangkan kos pembelanjaan petani dan seterusnya meningkatkan keuntungan petani bagi meningkatkan taraf hidup mereka. Menerusi DPN2, dasar tersebut memperkukuhkan keselamatan makanan negara menerusi mempelbagaikan hasil tanaman dan juga mempelbagaikan pendapatan para petani yang selama ini bergantung kepada penanaman padi.

Dasar Pertanian Kebangsaan Ketiga (DPN3) diperkenalkan selepas kerajaan menyedari kesan krisis kewangan Asia 1997-1998 dan liberalisasi pasaran kewangan kepada ekonomi Malaysia. DPN3 dirumuskan untuk menangani cabaran yang dihadapi oleh sektor ini seperti perubahan struktur ekonomi akibat kekurangan tanah pertanian, kekurangan tenaga kerja akibat persaingan sektor lain, kecekapan dan penggunaan sumber daya untuk meningkatkan daya saing. Dalam dasar ini, kerajaan melaksanakan penyatuan sawah padi bersaiz kecil melalui konsep pertanian secara berkelompok, pelaksanaan Projek Sepuluh Tan Sehektar dan Amalan Pertanian Baik (GMP) yang juga telah meningkatkan kadar pengeluaran padi dengan kadar purata 2.3 peratus setahun (KPM, 1997).

Dasar Agro-Makanan Negara (DAN) telah dirumuskan untuk menangani cabaran di pasaran domestik dan global bagi memastikan pengeluaran mapan untuk keselamatan makanan. Dasar ini telah dilaksanakan untuk menangani isu pertanian lestari dan daya saing industri agro-makanan dalam aspek keselamatan dan pemakanan makanan di sepanjang rantaian nilai. Pembangunan industri padi dan beras di sepanjang rantaian nilai ini diperkukuh melalui strategi DAN seperti meningkatkan produktiviti dan kualiti padi dan beras, meningkatkan keberkesanan penggunaan mekanisasi dan automasi, mempergiat penggunaan bahan sampingan padi, dan memperkukuh pengurusan institusi padi dan beras (KPM, 2011). Dasar ini bertujuan untuk memperhalusi setiap struktur industri padi dan beras serta menangani masalah keselamatan makanan akibat daripada faktor global pada masa kini.

INDONESIA

Secara umumnya, kerajaan Indonesia juga mempelkenalkan pelbagai dasar padi dan beras yang mengalami perubahan dari semasa ke semasa (Jadual 2).

Jadual 2: Dasar Pertanian Negara Indonesia

Tahun	Aktiviti
1965-1985	Mencapai <i>Self-Sufficient Level</i> <ul style="list-style-type: none"> • Dasar Harga Lantai • Subsidi Input • Subsidi Kredit
1986-2010	Campur tangan BULOG <ul style="list-style-type: none"> • Dasar Harga Perolehan • Kredit Kommersial
2011-2018	<ul style="list-style-type: none"> • Melaksanakan kebajikan pembelian beras dengan Ketentuan HPP • Menyediakan dan menyalurkan beras bersubsidi bagi kelompok masyarakat yang berpendapatan rendah melalui program RASKIN • Menyediakan dan menyalurkan beras untuk menstabilkan harga beras melalui pengelolaan CBP

Sumber: BULOG Indonesia, 1965-2018

Antara tahun 1965-1985, pada mulanya sektor padi dan beras telah mendapat tahap sokongan dan perlindungan yang agak tinggi oleh kerajaan. Walau bagaimanapun, dalam tempoh yang berikutnya, sokongan dan perlindungan kepada sektor ini secara beransur-ansur berkurangan (Fuglie, 2001). Langkah ini menunjukkan kerajaan Indonesia ingin mengelakkan penghasilan berlebihan yang boleh menjejaskan harga pasaran.

Dalam tempoh yang berikutnya, sokongan dan perlindungan kerajaan terhadap sektor beras secara beransur-ansur dikurangkan, diubah atau dihapuskan sepenuhnya. Pertama, dasar harga lantai diubahsuai untuk menjadi dasar harga perolehan. Di bawah dasar ini, setiap tahun kerajaan akan mengumumkan tahap harga padi di mana *Indonesian Bureau of Logistics* (BULOG) mendapatkan beras untuk pengumpulan dalam stok. Dengan dasar ini, petani menerima harga padi yang tidak terjamin pada harga tertentu, kerana hanya 15% pengeluaran padi yang diperolehi oleh BULOG. Walau bagaimanapun, terdapat bukti menunjukkan bahawa dasar ini menyumbang kepada harga pasaran beras yang lebih tinggi. Kedua, BULOG akan membiayai operasinya dengan menggunakan kredit komersial yang membawa kepada kos yang lebih tinggi. Ketiga, bajet kerajaan untuk membina dan memulihkan infrastruktur pengairan telah dikurangkan dengan ketara yang menyebabkan infrastruktur kurang terjaga. Keempat, program intensifikasi beras tidak lagi dikuatkuasakan oleh kerajaan pusat (Tahlum, 2013). Langkah ini terpaksa diambil kerana kos pembiayaan yang tinggi untuk penyelenggaraan di seluruh wilayah yang luas dan implikasi cara monopoli tidak membawa faedah kepada ekonomi setempat.

Dalam tahun 2012, Indonesia telah melaksanakan kebajikan pembelian beras dengan menentukan Harga Pembelian Pemerintah (HPP). Hal ini dapat melindungi petani daripada musim harga runtuh padi. Dalam hal ini, BULOG berperanan untuk mengawal stok beras di pasaran. Ini bermakna, apabila penawaran beras di pasaran melebihi permintaan, BULOG akan membeli lebih penawaran tersebut untuk menstabilkan semula harga beras. Seperkara lagi, kerajaan Indonesia juga menyalurkan subsidi beras bagi kelompok masyarakat yang berpendapatan rendah melalui program beras untuk Rumah Tangga Miskin (RASKIN). Hal ini kerana, terdapat banyak penduduk Indonesia yang sangat miskin sehingga tidak mampu membeli beras. Dengan pelaksanaan RASKIN, masalah kesihatan kanak-kanak dan rakyat dapat diatasi selain menjaga ekonomi negara. Cadangan Beras Pemerintah (CBP) merupakan salah satu inisiatif yang diambil oleh Indonesia. Dalam program CBP, kerajaan memiliki stok beras untuk mengatasi masalah bencana alam yang tidak dijangka. Dengan ini, kerajaan dapat menstabilkan harga beras (BULOG, 2014).

METODOLOGI

Data sekunder telah digunakan untuk mengumpulkan data dalam kajian ini. Secara amnya, data sekunder boleh ditakrifkan sebagai data atau informasi yang diperolehi daripada surat khabar talian, jurnal, laman web, dokumen rasmi kerajaan dan sebagainya (Uma Sekaran, 2011). Data sekunder melibatkan penggunaan data yang dikumpulkan daripada kajian yang lepas.

Semasa menjalankan kajian penyelidikan ini, pengumpulan data sekunder memberi gambaran yang sewajarnya dalam mengenalpasti spesifikasi yang langsung terhadap kajian dan menimbulkan persoalan yang perlu dikenal pasti. Sebagai contoh, persoalan mengenai pengaruh dasar pertanian negara sama ada terus memberikan kesan secara langsung kepada perkembangan sektor padi dan beras. Selain itu, kewujudan data sekunder yang dikumpul dari tempoh 1960-an sehingga kini, memberi peluang kepada pengkaji untuk meneliti setiap dasar yang dijalankan oleh kedua-dua negara. Hal ini disebabkan dasar pertanian negara telah lama dipraktikkan di kedua-dua negara. Dengan ini, adalah diyakini data yang dikumpul untuk tujuan kajian ini dapat merangkumi, menjelaskan dan membantu mencapai objektif kajian ini.

PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Kira-kira 40% (193,679 orang daripada jumlah 475,710 orang) tenaga kerja terlibat dalam bidang pertanian padi pada tahun 2017 di Malaysia (Jabatan Pertanian, 2018). Pertanian merangkumi 8.1% daripada KDNK pada tahun 2016 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2017). Indonesia pula adalah pengeluar beras ketiga terbesar di dunia dan juga salah satu daripada pengguna beras terbesar di dunia. Jumlah produksi beras meningkat dari 75.4 ton pada tahun 2015 kepada 79.2 ton pada tahun 2016.

Berdasarkan maklumat kajian lepas yang dibincangkan, didapati kedua-dua negara memerlukan beras import dari luar negara bagi menampung permintaan penggunaan beras di dalam negara dan memastikan sekuriti makanan adalah terjamin daripada krisis makanan yang mungkin berlaku. Dalam hal ini, Indonesia adalah pengeluar beras ketiga terbesar di dunia dan juga merupakan salah satu daripada pengguna beras terbesar di dunia. Di samping itu, Malaysia pula merupakan pengeluar ke-25 di dunia (Indexmundi, 2018). Berdasarkan pasaran semasa, harga beras wangi dan beras putih adalah dikawalkan oleh Bernas (Malaysia) dan BULOG (Indonesia).

Merujuk kepada Rajah 1 dan Rajah 2, pengeluaran padi dan pengeluaran beras di Indonesia menunjukkan trend yang lebih baik jika dibandingkan dengan Malaysia. Dalam hal ini, Malaysia mampu mengeluarkan beras tetapi tidak dapat menampung keseluruhan permintaan domestic. Ini berbeza dengan Indonesia di mana negara itu telah mencapai SSL sepenuhnya pada tahun 1986. Hal ini kerana, Malaysia kekurangan teknologi, tanah dan buruh, tanaman padi dilanda penyakit *rice blast* dan cuaca buruk yang menghalang pengeluaran beras secara besar-besaran.

Walaupun Malaysia dan Indonesia mempunyai latar belakang ekonomi yang berbeza, tetapi dalam sektor padi dan beras, kajian mendapati terdapat persamaan dari segi dasar yang dilaksanakan (Jadual 3).

Jadual 3: Persamaan dasar yang dilaksanakan antara negara Malaysia dan negara Indonesia

Malaysia	Indonesia
Mementingkan sekuriti makanan	Mencapai bekalan beras yang mencukupi
Mengurangkan beras import	Mengurangkan beras import
Membekalkan bantuan alat mesin dan teknologi kepada petani	Meningkatkan kualiti prestasi peralatan pertanian
Meningkatkan pendapatan petani dan usahawan tani	Meningkatkan pendapatan dan kebajikan petani

Krisis makanan yang melanda dunia sekitar tahun 2008 amat membimbangkan apabila pengeluaran beberapa jenis tanaman seperti beras, gandum dan jagung susut secara mendadak di negara-negara pengeluar utama. Pelbagai dasar diperkenalkan oleh kedua-dua buah negara bagi mengatasi masalah ini. Malaysia memperkenalkan Dasar Agromakanan Negara (DAN) bagi tempoh 10 tahun (2011-2020), manakala Indonesia melaksanakan Harga Pembelian Pemerintah (HPP), program Beras untuk Rumah Tangga Miskin (RASKIN) dan Cadangan Beras Pemerintah (CBP) dalam sektor padi dan beras mereka.

Selain itu, pengurangan beras import dari luar negara adalah satu tindakan yang wajar dan penting bagi kedua-dua negara. Aktiviti import yang tinggi boleh mempengaruhi KDNK negara. Indonesia mengurangkan import beras dari luar negara sejak tahun 2016 dan pengeluaran beras dalam negara Indonesia mampu menampung permintaan pengguna. Pengurangan import ini juga membantu petani meningkatkan pendapatan mereka kerana mereka tidak perlu bersaing dengan beras import dari luar negara. Manakala, bagi Malaysia pula, pengurangan beras masih tidak mencukupi bagi memenuhi permintaan rakyat. Maka dengan ini, Malaysia masih mengimport sebanyak 30% beras dari luar negara.

Malaysia dan Indonesia juga memberi bantuan dan sokongan yang hampir sama kepada petani iaitu bantuan dari segi alatan mesin dan teknologi. Sebagai contoh, Indonesia menawarkan teknologi benih baru yang lebih tahan lama. Teknologi benih baru ini mampu mengurangkan beban petani dari segi modal dan meningkatkan kualiti hasil tani. Tahap teknologi dan alatan pertanian moden meningkatkan hasil pertanian dan memudahkan proses penanaman. Dengan usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia dan Indonesia, kaedah baru yang diperkenalkan dapat meringankan beban petani. Contohnya, sistem pengairan yang canggih diperlukan untuk menyelesaikan masalah kekurangan air atau musim kemarau yang memberi kesan kepada penanaman padi.

Seperkara lagi, pendapatan merupakan isu yang sering dibincangkan dalam sektor pertanian. Masyarakat mempunyai sikap prejudis terhadap sektor pertanian dengan mempunyai persepsi bahawa sektor pertanian menawarkan pendapatan yang rendah dan tidak cukup bagi menampung perbelanjaan keluarga. Walaubagaimanapun, dengan pemberian subsidi dan melaksanakan kebajikan pembelian beras, strategi ini sedikit sebanyak dapat meningkatkan pendapatan para petani dan mengurangkan jurang kemiskinan antara bandar dan luar bandar.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, pengeluaran padi dan beras antara kedua-dua negara meningkat dari tahun 1961 to 2013. Hal ini kerana, kedua-dua negara telah berusaha untuk meningkatkan sektor pertanian negara masing-masing dengan mengubah dasar dan polisi pertanian mereka dari semasa ke semasa. Malaysia juga boleh mengadaptasikan beberapa dasar yang diamalkan oleh Indonesia bagi meningkatkan pengeluaran padi negara. Contohnya, Malaysia boleh memperkenalkan Harga Pembelian Pemerintah bagi membantu petani mendapatkan pulangan harga yang lebih lumayan.

Strategi untuk penanaman padi yang lebih lestari perlu bersifat menyeluruh bagi mencapai objektif ekonomi, politik, persekitaran dan sosial negara masing-masing. Buruh yang berkualiti, teknologi baru, cara penanaman yang lebih efisien serta penglibatan sektor swasta diperlukan untuk membangunkan projek penanaman padi yang berskala besar. Justeru itu, dasar-dasar sedia ada perlu sentiasa ditambahbaik. Pemantauan serta penilaian terhadap dasar yang diperkenalkan perlu diseleraskan mengikut perkembangan ekonomi semasa.

RUJUKAN

- Amin Mahir Abdullah, Fatimah Mohamed Arshad dan Alias Radam. (2009). *Kajian Impak Skim Subsidi Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SSBPKP) dan Skim Subsidi Harga Padi (SSHP)*. Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan, Universiti Putra Malaysia
- Bernas (2017). *Historical Journey of BERNAS, 1930-2014*, Malaysia (2017). Retrieved from <http://bernas.com.my/>
- BULOG (2018). *BULOG dalam Pilar Ketahanan Pangan*. (2014). Retrieved Nov 20, 2018, from BULOG: http://www.bulog.co.id/ketahananpangan_bulog.php
- Catatanijar. (2012, Apr 15). *Apa itu Policy, Standard, Guidelines, dan Procedures?* Retrieved from Catatanijar: <https://catatanijar.wordpress.com/2012/04/15/apa-itu-policy-standard-guidelines-dan-procedures/>
- Fuglie, K.O. 2001. Indonesia. In Private investment in agricultural research and international technology transfer in Asia, ed. Carl E. P., and K. O. Fuglie. Chapter IV. Electronic Report from the Economic Research Service (ERS): 99- 111. Accessed March 15, 2004.
- George Fane and Peter Warr. (2007). *Distortion to Agricultural Incentives in Indonesia*. 12.
- Halib, M. (2004). *Peranan Tanaman Padi Dalam Pembangunan Pertanian di Malaysia: Analisis Sejarah dan Kontemporari*. *Jati- Journal of Southeast Asian Studies*, 3.
- Harun, R. (2013). *Kajian Penandaarasan dan*. Retrieved from <http://etmr.mardi.gov.my/Content/Report/Text%20Bab%2013%20Author.pdf>
- Ho, B. (n.d.). *Chemical Control of the Blast Disease of Rice in Malaysia*. Retrieved from Mardi: <http://ejtafs.mardi.gov.my/jtafs/08-1/RICE.pdf>
- Jabatan Pertanian (2018). *Statistik Tanaman (Sub-Sektor Tanaman Makanan 2018)*. Retrieved from Jabatan Pertanian: http://www.doa.gov.my/index/resources/aktiviti_sumber/sumber_awam/maklumat_pertanian/perangkaan_tanaman/booklet_statistik_tanaman_2018.pdf
- Kano, H. (2008). *Indonesian- Exports, Peasant Agriculture and The World Economy 1850-2000*. Nus Press Singapore.
- Kementerian Pertanian Malaysia (1983). *Dasar Pertanian Negara (1984-1991) Ringkasan Eksekutif*. Kementerian Pertanian Malaysia. Kuala Lumpur.
- Mailena, L. (2015). *Production Behavior and Efficiency Analysis of Paddy Farm in Granary Areas of Peninsular Malaysia*. 1.2.
- Norimah Jr, A.K., Safiah, M., Jamal, K., Haslinda, S., Zuhaida, H., Rohida, S. Azmi, M.Y. (2008). *Food Consumption Patterns: Findings from the Malaysian Adult Nutrition Survey (MANS)*. *Malaysian Journal of Nutrition*, 14(1), 25.
- Papademetriou, M.K. (2000). *Rice production in the Asia-Pacific region: Issues and perspectives*. In Papademetriou, M.K., Dent, F.J., & Herath, E.M. (Eds.), *Bridging the rice yield gap in the Asia-Pacific Region* (pp.4-25). Rap Publication: 2000/16. Food and the Agriculture Organization of the United Nations.
- Sudaryanto, T. (2013, Dec 11). *Rice Development Policy in Indonesia*. Retrieved Nov 11, 2018, from FFTC Agricultural Policy: http://ap.ffc.agnet.org/ap_db.php?id=158&print=1
- Sulaiman, S. (2018). *Meninjau kembali krisis kewangan 1997*. Harakahdaily.
- Tribun, P. (2017). *Merinding! Inilah 10 Bencana Alam Terbesar di Abad 21, Tsunami Aceh Masuk Daftar*. *Tribun News*.
- Vokes, R. W. (1984). *Rural Entrepreneurship: The Case of Small Rice Mills in Malaysia*. *Kyoto University Research Information Repository*, 199.
- Utusan Online (2015). *Bekalan Makanan Negara Berkurangan*. (2015, Ogos 31). Retrieved from Utusan Online: <http://www.utusan.com.my/sains-teknologi/pertanian/bekalan-makanan-negara-berkurangan-1.130268>
- WTO (World Trade Organization). 1998. *Trade policy review Indonesia*. Report by the Secretariat. WT/TPR/S/51.

Chew Wei Kar
Falkuti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi Selangor, Malaysia
Email: weijiachew@yahoo.com

Norshamliza Chamhuri
Falkuti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi Selangor, Malaysia
Email: norshamliza@ukm.edu.my